

Dr Mahathir 'tertipu' selfie video bersama cucu
The Malaysian Insider
Jun 26, 2015

Tun Dr Mahathir Mohamad kelihatan lucu di laman sosial Instagram apabila menyangka cucunya Meera Alyanna Mukhriz mengambil selfie bersamanya, tetapi sebaliknya satu rakaman video berdurasi 10 saat.

Bekas perdana menteri itu yang sedia tersenyum lebar sedikit terkejut apabila dimaklumkan Meera ia merupakan satu rakaman video pendek di Instagram.

"Video? Saya ingat ianya gambar," kata Dr Mahathir sambil menunjukkan memek muka yang lebih comel.

Video yang dimuat naik sejak lima hari lalu itu kini disukai lebih 4,900 pengguna laman berkenaan dan lebih 290 pengguna Instagram memberikan komen kepada video tersebut.

Meera yang juga anak kepada Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mukhriz memuat naik video berkenaan bersempena sambutan Hari Bapa yang turut ditujukan kepada Dr Mahathir.

"Selamat hari bapa kepada lelaki ini juga! Saya sayang kamu tanpa syarat!!!

"PS: Berhenti menetag rakan anda. (Saya akan padam)," kata Meera.

Rata-rata pengguna Instagram memuji video berkenaan dan turut mendoakan kesejahteraan Dr Mahathir.

Seorang pengguna menggunakan nama Superwifemom berkata: "Semoga Tun M sentiasa dipelihara Allah swt Amin."

Shfatinamirash pula berkata: "Ya Allah, Tun M tersangat2 comey..." katanya mengulas gambar itu.

Farahinsofie berkata: "Pemimpin disukai sepanjang zaman." – 26 Jun, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-tertipu-selfie-video-bersama-cucu#sthash.MRef12ob.XLRtLuNR.dpbs>